

## **PSIKOLOGI PEMBANGUNAN KANAK-KANAK: PERKAITAN ANTARA PSIKOLOGI PENDIDIKAN BARAT DAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN ISLAM**

Siti Atiyah Ali

*School of Medical Sciences, Health Campus, Universiti Sains Malaysia, Kelantan, Malaysia*  
[atiyahali90@yahoo.com.my](mailto:atiyahali90@yahoo.com.my)

Samhani Ismail

*Faculty of Medicine, Universiti Sultan Zainal Abidin (Medicine Campus), Terengganu, Malaysia*

Nurfaizatul Aisyah

*School of Medical Sciences, Health Campus, Universiti Sains Malaysia, Kelantan, Malaysia*

Abdul Rahman Omar

*Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia*

**Abstrak:** Pendidikan Islam dan Barat dilihat jauh berbeza terutamanya dalam aspek dasar dan matlamat. Pendidikan Islam berorientasikan ketuhanan, untuk mencapai makrifat Allah dan mengarahkan kepada kejayaan di dunia dan akhirat manakala pendidikan Barat beracuankan ideologi pemikiran manusia yang meletakkan akal manusia di tempat tertinggi. Walau bagaimanapun, kedua-dua acuan Barat dan Islam ini berpaksikan kepada satu tunjang utama iaitu pembangunan psikologi dalam membangunkan karakter dan peribadi manusia yang bertamadun, yang awalnya dibentuk dari awal umur lagi. Namun, proses westernisasi ilmu memberi kesan kepada sistem pendidikan Islam yang akhirnya ia dilihat sebagai kehilangan identiti dan lebih malang, memberi kesan kepada generasi anak-anak pada dewasa ini. Di celahan jurang perbezaan yang besar antara keduanya, terdapatnya hubung kait dan persamaan yang perlu diangkat dan dinilai semula serta dimurnikan selari dengan konsep Islam. Penyepaduan di antara dua nilai ini dilihat bakal memberi kesan kepada institusi pendidikan di samping membina keyakinan terhadap sistem pendidikan Islam yang syumul dan jauh daripada kelompongan.

**Kata Kunci:** Psikologi, Perkembangan Kanak-kanak, Pendidikan Barat, Pendidikan Islam.

### **Pengenalan**

Pendidikan Islam adalah proses pendidikan yang tersimpul di dalam terma *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib*. Ia menekankan pendidikan kepada segala aspek kemanusiaan seluruhnya berpandukan ajaran Islam yang syumul. Dr Yusuf al-Qaradhawi memberikan pengertian pendidikan Islam sebagai pendidikan manusia seutuhnya yang meliputi akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya serta akhlak dan ketrampilannya. Manakala Prof Dr Hasan Langgulung merumuskan pendidikan Islam sebagai penyiapan generasi muda untuk mengisi peranan, memindahkan pengetahuan dan nilai-nilai Islam yang diselaraskan dengan fungsi manusia (Syah, 2008).

Islam menekankan proses pendidikan berterusan yang seharusnya bermula semenjak awal lagi. Apabila menyebutkan tentang pendidikan, perkataan *Rabb al-'Alamin* sudah bermaksud Allah sebagai Pendidik Alam Semesta. Allah adalah Pendidik yang Maha Besar di alam ini, bukan hanya mendidik jiwa manusia bahkan mampu mentadbir segala pertumbuhan dan perkembangan tabiatnya (Al-Jamaly, 1989). Di samping itu, al-Quran memberi panduan yang paling tepat terhadap manusia dan paling harmonis. Al-Quran memandang manusia sebagai satu kesatuan yang utuh dan tidak dipecah-pecahan.

Pendidikan Islam adalah proses pendidikan dalam pembentukan anak-anak dari segi emosi dan akhlAQ berlandaskan acuan yang diunjurkan dari sumber al-Quran dan hadis. Pendidikan awal kanak-kanak dalam Islam berkait rapat dengan sesetengah teori psikologi yang dibangunkan oleh sarjana Barat. Pembentukan moral seseorang manusia bukan berlaku dalam sekilip mata tapi ia perlu melalui pelbagai

latihan atau tarbiah dari pelbagai faktor penting iaitu pemerhatian, pemikiran, ilmu pengetahuan dan latihan mental (Huitt, 2004) yang mana penyatuan kesemua faktor ini melahirkan manusia yang kenal agamanya dan peribadinya.

Mengenali diri sendiri, masyarakat dan alam yang tidak lain bertujuan menghantarkan manusia kepada makrifatullah. Al-Quran memandang manusia sebagai sebuah kesatuan yang utuh, menyeluruh, terpadu dan seimbang di antara material fizik otot, ligamen dan bendalir, kimia hormon dan enzim, dan mekanistik pergerakan serta roh, perasaan, spiritual, rasa, pemikiran dan adab yang saling berkait dan mempengaruhi di antara kesemuanya dengan hubungkait yang kompleks dan seimbang. Pemahaman ini dijelaskan melalui ayat al-Quran di dalam Surah Sad, ayat 71-72.

### **Peranan Ibu Bapa dalam Pendidikan Kanak-kanak**

Menurut Islam, proses pendidikan dan pembinaan sahsiah bermula semenjak dari alam janin lagi. Anak-anak dilahirkan di dalam keadaan fitrah dan mengikut acuan (Ismail, 2013), justeru memperdengarkan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran, perkataan-perkataan yang baik-baik, zikir serta tidak menyebutkan perihal lagha dan maksiat merupakan antara intipati pendidikan yang membentuk seseorang insan. Seusai kelahiran, anak diazarkan dan diiqamahkan, kemudian diberikan nama yang baik dan dilayan dengan penuh kasih-sayang (Ali, 2000) di samping mendapat asuhan dan didikan yang sewajarnya.

Di sini menunjukkan tanggungjawab ibu bapa bukanlah terhad kepada penyediaan harta yang berbentuk fizikal, tetapi yang paling utama adalah mendidik dan mentarbiah jiwa anak-anak kerana kedudukan ibu dan bapa yang mendidik anaknya amat besar di sisi Allah Taala. Rasulullah saw menjelaskan di dalam sebuah mafhum hadis riwayat Hakim yang bermaksud: “Kewajiban seorang ayah (orang tua) terhadap anaknya, hendaknya ia memberi nama yang baik dan mendidiknya dengan baik, hendaknya mengajarkan menulis, berenang, dan memanah, hendaknya tidak memberikan nafkah kecuali rezeki yang halal, dan hendaknya menikahkannya apabila usianya telah cukup” (Shu'b al-Iman Li'l-Baihaqi, hadis ke 8137: 2856). Di dalam sabda yang lain, diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: “Tidak ada seorang anak yang dilahirkan kecuali di dalam keadaan fitrah, maka ibu-bapanya lah yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sahihnya (1987). Kitab al-Janaiz. Hadis: 1319).

Justeru, ibu-bapa perlu memanfaatkan fungsi mereka sebak-baiknya kerana pendidikan yang diterima merupakan asas pembinaan keperibadian anak-anak. Keluarga merupakan tempat didikan pertama untuk kejiwaan, moral, ibadah dan akidah dengan bertujuan mengosongkan jiwa manusia daripada sifat tercela dan mengisinya dengan sifat terpuji sehingga menjadi anak-anak yang soleh dan solehah (Barsihannor, 2014). Kehidupan anak-anak bermula dirumah, dan bukanlah di sekolah-sekolah. Atas dasar itu, Islam menekankan penghidupan ruh-ruh tarbiah pada jasad para ibu dan bapa.

Penekanan terhadap akhlak dan tarbiah Islam melalui ibu-bapa dapat dilihat secara jelas di dalam beberapa ayat di dalam Surah Luqman yang mana Allah mendarangkan pedagogi pendidikan anak-anak oleh ibu-bapa secara bijaksana melalui kisah-kisah Luqman Al-Hakim mendidik anaknya. Melalui ayat 13, Surah Lukman yang bermaksud: “*Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekuatkan Allah, Sesungguhnya mempersekuatan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar,"* (Surah Lukman: 13). Ayat ini memberi pencerahan bahawa anak-anak haruslah ditanam dengan kepercayaan tauhid sebagai asas kepada permulaan kehidupan. Selari dengan itu, ibu-bapa perlu memberi bimbingan pemikiran, akhlak, ibadah dan akidah kepada Tuhan kerana hal ini akan mengakar di dalam tubuh anak-anak jika diajar dari perinngkat awal. Penekanan nilai rohani sama seperti mengajar agama kepada anak sebagaimana menurut pendapat Ibnu al-Qayyim yang dikutip oleh Sa'id al-Isma'il ‘Ali bahawa akhlak adalah agama, barangsiapa yang bertambah akhlaknya, maka akan bertambah pulalah akhlaknya.’”

Melalui ayat 17 Surah Luqman pula kita dapat mengambil kesimpulan bahawa kaedah yang boleh digunakan untuk mendidik anak-anak adalah melalui kaedah pengajaran yang berpusat kepada murabbi iaitu satu kaedah pembelajaran yang meletakkan peranan guru yang bukan sahaja mengajar kepada silibus-silibus sekolah semata-mata, tetapi juga bertanggungjawab memantapkan daya pemikiran *rabbani*, malahan lagi, murabbi ini juga bertindak sebagai ibu bapa kedua anak-anak di sekolah (Jaafar et. al., 2014). Dalam ayat 17 tersebut, Luqman al-Hakim berkata, “Hai anakku, dirikanlah shalat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah)” (Surah Lukman: 17).

Kaedah ini sangat penting untuk memperkenalkan konsep-konsep baru serta pengenalan pendidikan asas seperti tauhid dan ibadah, sebagaimana seorang murabbi itu didefinisikan sebagai seorang guru yang mendidik, mengajar, mengasihi menanam dan menyemai bakat dan kemampuan anak didiknya untuk membangunkan satu jasad yang tinggi nilai akhlak di sisi agama.

Di dalam ayat ini turut terdapat keindahan dan kelembutan penyampaian pendidikan melalui bahasa yang digunakan. Bahasa lunak melalui perkataan ‘anakku’ sewaktu menyeru anaknya untuk berbuat sesuatu menunjukkan pentingnya kemahiran komunikasi interpersonal yang tinggi pada ibu-bapa (Shafie, Che Noh & Lubis, 2016). Sikap lemah lembut mampu menarik jiwa manusia lantaran jiwa manusia cenderung menyayangi tunduk kepada kesantunan dan kata-kata yang baik. Sifat ini merupakan fitrah manusia dan ia merupakan kunci kepada kejayaan sebuah pendidikan. Tugas ibu-bapa sebagai pendidik bukan hanya menyeru kepada kebaikan dan mencegah anak-anak daripada melakukan keburukan, namun ibu-bapa merupakan penasihat, perunding, pendorong, pakar rujuk dan mengawasi disiplin anak-anak (Ibrahim, 2002). Antara lain etika komunikasi yang perlu ada pada ibu-bapa di dalam mewujudkan komunikasi berkesan adalah bersikap jujur, berkata benar, mematuhi etika, selaras, tidak mengganggu dan bersikap positif (Ibrahim, 2002).

Kesimpulannya, sistem pendidikan di dalam Islam merupakan sebuah tarbiah yang menata keperibadian manusia yang berasaskan keimanan di mana ia terkait secara langsung dengan Tuhan. Tarbiah Islam bukan sekadar pemindahan ilmu bahkan turut membentuk keseluruhan elemen yang wujud sedari akal, fizikal, rohani, spiritual di samping memperbaiki hubungan sesama manusia dalam alam dalam konteks sosial, dan puncak utama matlamatnya adalah untuk mencapai makrifat Allah.

### **Pendidikan Anak-anak Berdasarkan Pandangan Barat**

Berbeza dengan Islam, Barat memiliki pandangan yang berbeza terhadap pendidikan anak-anak. Fahaman rasionalisme empirisma, humanisme, kapitalisma, eksistensialisme, relativisme, ateisme dan lain-lain ideologi yang berkembang dan menjadi anutan di Barat dijadikan dasar bagi konsep-konsep pendidikan Barat yang mana secara kasarnya dilihat jauh berbeza dengan Islam. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, ilmu di dalam peradaban Barat tidak dibangun di atas kepercayaan agama dan wahyu, namun dibangun di atas tradisi budaya yang diperkuat dengan spekulasi filosofis yang menjalani kehidupan sekular yang memusatkan manusia sebagai makhluk rasional (al-Attas, n.d.; al-Attas, 1993; Kholili, 2014). Menurut beliau lagi, terdapat lima faktor yang menjawai budaya dan peradaban Barat iaitu akal sebagai pembimbing kehidupan manusia, bersikap dualiti terhadap realiti dan kebenaran, menekankan aspek eksistensi yang menjulang agenda pemikiran sekular, menggunakan doktrin humanisme dan menjadikan drama dan tragedi sebagai unsur dominan di dalam fitrah dan kemanusiaan. Dengannya, pendidikan terpaksa mengenepikan unsur-unsur metafizikal dan penafsiran agama terhadap ilmu sehingga hasil kajian ilmiah dan sains tidak bertemu dengan penafsiran agama (Hasib, 2014). Faktor-faktor ini begitu berpengaruh di dalam pola fikir ilmuwan Barat sehingga dijadikan pola pendidikan. Globalisasi ilmu yang dibawa Barat turut dianuti ilmuan Muslim. Nilai, budaya dan tradisi mereka yang menafikan agama di dalam soal keilmuan memberi implikasi berat

terhadap ilmuwan Muslim sebagaimana yang ditekankan oleh beliau sebagai hilangnya identiti sebagai ilmuwan Muslim. Perlahan-lahan ia melahirkan paradigma pendidikan yang dikotomi, menafikan nilai ketuhanan dan kecenderungan terhadap materialisme (al-Attas, 1993).

Teori psikologi Barat yang terkenal dan sinonim dengan perkembangan personaliti, tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak dipelopori oleh Sigmund Freud dan Albert Bandura. Teori yang dikemukakan oleh Sigmund Freud adalah berkisar kepada perkembangan psikoseksual kanak-kanak yang dikatakan mengundang kontroversi sejak di awal abad ke-19 lagi. Teori ini mengenangkan perkembangan seksual kanak-kanak sedari kecil dan sebarang konflik yang terjadi dalam tempoh tersebut mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak di alam alam dewasa kelak (Silverman, 2017). Teori psikoseksual Freud ini dibahagikan kepada 3 struktur utama iaitu id, ego dan superego (Siegfried, 2014; Silverman, 2017). Menurut Freud, personaliti dibina hasil dari perkembangan dari ketiga-tiga peringkat pada lingkungan umur yang berbeza.

Pada awal abad ke 17, masyarakat Barat khususnya di Amerika Syarikat amat menitik beratkan tentang pembangunan moral di kalangan generasi mereka dan pendidikan moral diletakkan sebagai pendidikan utama berbanding akademik sebagaimana yang disifatkan ahli falsafah, John Locke bahawa pendidikan moral adalah asas kepada pembangunan karakter. Namun, menjelang awal abad ke 19, perubahan dalam sistem pendidikan Barat mula diperkenalkan dengan mengutamakan kemahiran akademik (membaca, menulis) dan semangat harga diri berbanding pembentukan moral (Spears, 1973). Sistem pendidikan ini berkekalan sehingga sekarang menyebabkan proses pembinaan akhlak dan jati diri menjadi terkebelakang dan terpinggir terutamanya di dalam sistem pendidikan Barat.

## **Metodologi**

Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kualitatif yang berbentuk deskriptif iaitu mengumpul sekumpulan artikel dan tulisan yang didapati dari sumber penyelidikan perpustakaan (penelitian bahan dokumen) dan juga enjin carian internet. Bentuk dokuman yang digunakan dalam kertas perbincangan ini adalah dari buku, jurnal-jurnal, dan artikel. Tiga peringkat utama telah dilakukan oleh para penulis untuk memastikan kandungan artikel yang ditulis bersesuaian dengan isu semasa dan juga bertepatan dengan tajuk utama. Peringkat pertama adalah melalui pencarian bahan di enjin carian internet dengan terarah kepada teori psikologi Barat dan psikologi Islam. Sumber buku yang dikenal pasti memberi manfaat pada perbincangan tajuk juga dikenal pasti pada peringkat ini. Seterusnya, analisis deskriptif dilakukan dengan mengenal pasti perbezaan dan persamaan antara dua sistem pendidikan ini. Setelah itu, di peringkat seterusnya, pengelasan dan organisasi dapatan kajian ditemakan untuk dipersembahkan sebagai sebuah perbincangan yang tersusun.

## **Persamaan Pendidikan Islam dan Pendidikan Barat**

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, beberapa persamaan telah ditemui di antara sistem pendidikan Islam dan sistem pendidikan Barat sebagaimana diterangkan di bawah yang merangkumi empat tema iaitu nafsu, *modelling*, kasih-sayang serta ganjaran dan hukuman sebagaimana diterangkan di bawah.

### *Nafsu*

Dalam karya penulisan oleh Hayati Aydin (2010), beliau berpendapat tiga struktur utama yang diangkat oleh Freud mempunyai perkaitan dengan pandangan Islam sendiri. Sebagai contoh, struktur id mempunyai persamaan dengan *nafsu ammar* yang mana kedua-dua ini adalah asas kepada nafsu kemauan yang mendorong kepada keburukan lebih daripada kebaikan. Nafsi Ammar disebut dalam al-Quran yang bermaksud: “Dan aku tidak (mengatakan) diriku bebas (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu mendorong ke arah kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhan, sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” (Surah Yusuf: 53).

Freud menerangkan bahawa, id itu berupa primitif, mengikut naluri, tergopoh-gapah dan bersifat haiwanistik yang dahagakan kepuasan (Lapskey & Stey, 2011). Oleh kerana sifat *nafsu ammar* atau tahap id itu mampu mendorong kepada impak negatif, maka ego dan superego adalah pengawal kepada id itu sendiri. Ego itu pula disamakan dengan nafsu yang mana menurut Freud ego itu perantara antara id dan superego. Ketika mana id ingin memuaskan kemahuannya, ego pula akan menapis apakah keperluan id itu salah atau tidak. Sebagai contoh, seseorang yang ternampak satu hidangan lazat di atas meja yang bukan miliknya, id akan memerintahkan diri untuk makan hidangan itu, namun ego akan cuba menghentikan niat itu kerana ianya salah. Sekiranya ego tidak berjaya mengawal id, maka superego akan mengadili perbuatan itu dengan membezakan tindakannya dengan realiti, contohnya mungkin apabila dia mengambil hidangan itu tanpa izin, mungkin dia akan dimarahi oleh ibu atau bapanya. Lantas, dirinya mampu mengawal diri dari makan hidangan di atas meja itu kerana takut dimarahi ibu dan bapa (Lapskey & Stey, 2011). Di dalam konteks kedua-dua kaedah (psikologi Barat dan Islam), para ibu-bapa perlu menjelaskan sebab kenapa dan untuk apa mereka bertegas/menghukum anak-anak apabila melakukan kesalahan. Kaedah ini haruslah diterap dan diamalkan supaya anak-anak tidak terawang-awang dalam emosi sendiri. Selain itu, menjelaskan sebab mereka dihukum adalah penting untuk menyedarkan mereka bahawa ibu dan bapa menghukum bukan disebabkan marah, tetapi untuk memberi penjaran. Hal ini penting untuk mengelakkan anak-anak dari rasa rendah diri dan menyimpan dendam ketika dewasa kelak.

Hayati Aydin (2010) turut menerangkan persamaan superego dan *nafs lawwamah*. *Nafs lawwamah* adalah tahap nafsu yang mengawal seseorang untuk membezakan antara baik buruk sesuatu tindakan dan juga pemisah antara dirinya sendiri dengan hasutan syaitan (Hayati, 2010). Suryadi R.A(2016) dalam tulisan kajiannya yang bertajuk ‘Pendidikan Islam: Telaah Konseptual mengenai Jiwa Manusia’ menyatakan superego merupakan komponen moral keperibadian yang berkait dengan standard norma masyarakat sama ada betul atau salah, baik atau buruk. *Nafs lawwamah* adalah tahap di mana pemikiran dan ketaatan menjadi faktor penilaian dalam mengawal tindak tanduk dan tingkah laku seseorang itu. Dapat dilihat kesamaan pandangan Freud dan pendekatan Tarbiah Islam dalam mendefinisikan nafsu itu sendiri dan perkaitannya antara satu sama lain.

Berdasarkan 3 unsur nafsu yang dijelaskan oleh Freud, dan juga pengelasan nafsu menurut Islam, hal ini menunjukkan semuanya merujuk pentingnya kawalan diri sendiri terhadap tingkahlaku masing-masing. Jika diri sendiri sudah tidak dapat berfikir dengan rasional kerana kurangnya *nafs lawwamah* dan superego untuk mengawal nafsu ammar atau id, di sinilah datangnya peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak supaya dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Ibu-bapa haruslah menjelaskan kesan perbuatan yang dilakukan anak-anak mereka sama ada baik ataupun buruk agar anak-anak dapat berfikir tentang akibat perbuatan mereka.

### *Modelling*

Albert Bandura mengenangkan teori berkaitan pembelajaran melalui pemerhatian atau lebih dikenali sebagai *modelling*. Bandura berpendapat kanak-kanak membesar dengan memperhatikan kelakuan dan tingkah laku orang yang berpengaruh dalam hidup mereka seperti ibu bapa, guru, karakter dalam rancangan televisyen, rakan sebaya, figura politik dan sebagainya (McLeod, 2016). Kanak-kanak bukan sahaja memperhatikan kelakuan/tingkah laku orang lain, tetapi mereka juga akan cuba mengulangi perbuatan kelakuan/tingkah laku yang mereka lihat dan sekiranya tiada teguran akan kelakuan tersebut, mereka akan mengulangi kelakuan yang sama sehingga menjadi satu kebiasaan. Sebagai contoh, kanak-kanak yang terpengaruh dengan ibu bapanya yang suka menggunakan perkataan carutan dan sebagainya. Sekiranya mereka tidak ditegur atau dihukum sebagai satu kesalahan, lama-kelamaan kanak-kanak itu akan menganggap menggunakan perkataan tidak baik adalah satu perkara yang betul dan menjadi kebiasaan apabila dewasa kelak. Situasi ini dikenali sebagai imitasi kelakuan.

Imitasi ini berkait rapat dengan sistem neuron yang dipanggil *mirror neuron*. Mirror neuron adalah satu kumpulan neuron otak yang akan aktif apabila seseorang itu melakukan aktiviti dan apabila dia hanya melihat orang lain melakukan aktiviti yang sama. Sistem *mirror neuron* berkembang sebelum umur bayi 12 bulan, dan sistem ini membantu bayi untuk memahami tingkahlaku orang lain (Acharya & Shukla, 2012). Bukan itu sahaja, ketidaknormalan *mirror neuron* dikaitkan dengan pelbagai masalah autistik seperti masalah bahasa, kurang imitasi dan pemahaman tingkahlaku (Acharya & Shukla, 2012). Bahagian otak yang terlibat dengan tingkahlaku ajukan iaitu korteks temporal superior, korteks parietal inferior dan korteks inferior frontal akan diaktifkan apabila mengajuk sesuatu tingkahlaku atau dengan hanya berfikir untuk mengajuk tindakan tersebut (Iacoboni, 2009). Hal ini menunjukkan otak kita akan aktif dengan melihat sesuatu yang sudah biasa dilihat dan diajuk walaupun apa yang dilihat dan diajuk itu ialah tingkahlaku yang salah. Tanpa tarbiah ibu bapa untuk mengatakan apa yang dibuat itu salah, maka anak-anak akan terus melakukan perkara yang salah itu kerana itu yang diwayarkan dalam sistem neuron mereka. Oleh itu, tingkahlaku sehari-hari ibu bapa amat penting untuk mereka amati agar membendung anak-anak daripada mengikut teladan yang salah.

Selain daripada itu, penguat positif (positive reinforcement) yang diberikan pada kanak-kanak atas sebarang kelakuan akan dianggap lampu hijau dan motivasi untuk mengulangi perbuatan tersebut. Contohnya apabila anak-anak melihat abangnya diberi hadiah untuk kelakuan baik, pastilah ini menjadi sumber inspirasi untuk anak-anak tersebut untuk turut berkelakuan baik sebagaimana yang ditunjukkan oleh abangnya. Teori yang diperkenalkan oleh Albert Bandura ini bertepatan dengan ajaran Islam yang menyeru para ibu bapa untuk sentiasa mengamalkan dan mempamerkan akhlak yang murni kerana anak-anak akan melihat orang yang terdekat dengan mereka sebagai contoh yang terbaik. Anas bin Malik meriwayatkan Nabi Muhammad SAW berkata yang bermaksud: “Berbuat baiklah pada anak-anakmu, dan sempurnakanlah akhlak mereka” (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam Sunannya (2009). Kitab Abwab al-Adab. Bab Bir al-Walid wa al-Ihsan ila al-Banat. Jilid 4, m/s: 634, no hadis: 3671).

Hal ini jelas menunjukkan tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan akhlak yang baik. Imam al-Ghazzali dalam tulisannya berkata, ibu bapa yang mahu anaknya menjadi beragama, jujur dan berdisiplin, harus juga untuk ibu dan bapa sendiri bersikap keagamaan, jujur dan berdisiplin. Kaedah ini diguna pakai oleh Imam Al-Ghazali dalam mendidik anak-anak muridnya. Beliau juga memastikan dirinya tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan ajarannya sendiri, untuk menjaga asas kepercayaan anak-anak murid kepadanya (Yuliawati, 2016).

### *Kasih Sayang*

Konsep berkasih-sayang atau dalam terma lain dikenali sebagai cinta bukanlah sesuatu yang asing pada kita dan cinta atau kasih-sayang itu membawa makna satu perasaan kasih kepada makhluk ciptaan tuhan. Dalam sudut pandang Islam sendiri, konsep kasih-sayang adalah satu asas hubungan dan manifestasi kasih seseorang hamba kepada Penciptanya, bermula dengan lafadz syahadah yang mengilustrasi kesaksian akidahnya kepada Allah sebagai Tuhan yang Esa dan Rasulullah saw sebagai pesuruhNya. Konsep ini tidak terhenti disitu, malah ianya menjalar membina jalinan ikatan sayang antara keluarga, masyarakat, negara dan agama.

Berkasih-sayang itu fitrah ciptaan Allah kepada hambaNya. Haiwan turut punya naluri berkasih saying namun ianya tidak didasari dengan aql. Berbeza dengan manusia, yang kasih-sayangnya berpaksikan keimanan kepada tuhannya, dan ditambatkan kepada keyakinan akidahnya, lalu dineracakan dengan aqalnya. Dalam institusi kekeluargaan, kasih-sayang ibu dan bapa bertindak sebagai pengikat jalinan antara mereka dan anak-anak. Anak-anak yang membesar dalam suasana dan faktor persekitaran yang dipenuhi cinta, berbeda dengan anak-anak yang membesar dalam keruntuhan kasih-sayang. Perbezaan ini merupakan fakta, bukan sekadar teori semata dan ia dibincangkan dengan teliti oleh Winston dan Chicot (2016) mendapati perkembangan emosi, hubungan social dan kemahiran daya fikir anak-anak bergantung kepada kekuatan hubungan atau *bonding* anak dan ibu bapa. Semakin erat jalinan keterikatan

kasih-sayang antara ibubapa dan anak, semakin bertambah kualiti emosi dan mental, dan itu hujah saintifik yang diberi kedua-dua pemikir itu. Hujah kajian ini disokong dengan sebuah pendapat dari Ismail, Salleh dan Jemali (2016) yang mengatakan anak-anak remaja yang dipenuhi kasih-sayang dari keluarga (khususnya ibu bapa), meraskan berasa lebih positif dan yakin diri terhadap diri sendiri, yang kelak pabila mereka dewasa, personaliti dan karakter mereka lebih terserlah. Hakikatnya, kasih-sayang membentuk emosi yang aman, sekaligus, membangunkan keharmonian dalam kerohanian, intellektuan dan daya fikir.

Menurut Sheikh Abdullah Naseh Ulwan dalam kitab tulisannya yang bertajuk *Tarbiyat al-aw'lad fi al-Islam*, beliau menegaskan para ibu bapa membesarakan anak-anak dengan kasih sayang dan belas kasihan (Naseh Ulwan, 1991), namun ianya haruslah bersulamkan ketegasan, mengikut kematangan umur anak-anak. Kaedah pendidikan anak-anak mengikut kematangan umur adalah berlandaskan kepada hadis Rasulullah saw yang bermaksud: “Suruhlah anak-anakmu bersolat ketika mana mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (sekiranya mereka tidak mengerjakan solat) ketika mana mereka berumur 10 tahun dan pisahkan tempat tidur antara mereka (iaitu anak lelaki dan perempuan)” (Diriwayatkan oleh Abu Daud dalam Sunannya (2009). Kitab al-Salah. Bab mata yu'mar al-Ghulam bi al-Salah, jilid 1, m/s: 367, no hadis: 495).

Hadis ini memberi bayangan bahawa anak-anak yang berumur bayi hingga ke tujuh tahun perlu dilayan dengan penuh kasih sayang dan apabila mencapai umur 7 tahun, mereka harus dididik untuk ibadah solat untuk melatih mereka berdisiplin dalam beribadah kepada Maha Pencipta. Selain itu, menurut kajian neurosains, tempoh 3 tahun terawal anak-anak adalah tempoh dimana aktiviti biologi otak berkembang dan aktif dengan aktiviti yang bakal mempersiapkan kestabilan emosi dan kestabilan emosi (Nelson, 2000) adalah asas penting kekuatan mental supaya dapat membantu proses pembelajaran kelak.

### *Ganjaran dan Hukuman*

Memberi hukuman untuk tingkah lalu yang tidak baik dengan tujuan untuk mendidik anak-anak meninggalkan tingkah laku negatif juga disarankan dalam kaedah atau teori ‘operant conditioning’ yang di perkenalkan oleh B.F Skinner (1938). B.F Skinner mengenangkan teori yang yang berbentuk praktikaliti seperti yang beliau terangkan dalam kertas kajiannya, yang mana tingkah laku seseorang manusia dipengaruhi oleh penguat (*reinforcement*) dan hukuman (*punishment*). Menurut Pungkasari (2014), *reward* atau ganjaran berfungsi untuk memperkuuh tingkah laku positif, manakala *punishment* atau hukuman berperanan bagi mengekang perilaku negatif supaya tidak berlaku lagi. Dalam sudut pandang Islam, sekiranya kaedah rahan, nasihat dengan kelembutan tidak lagi berjaya dalam membentuk perilaku positif. Maka, kaedah memberi hukuman boleh diterapkan dalam kaedah mendidik. Walaubagaimanapun, memberi hukuman atau punishment bukanlah bersifat fizikal seperti merotan, ia boleh saja bersifat bukan fizikal. Contohnya, menghalang anak untuk tidak melakukan sesuatu yang disukai mereka (contohnya bermain bola) jika mereka tidak mendengar sesuatu arahan.

Sekiranya, sikap negatif yang sama berterusan, hukuman fizikal boleh diambil sebagai langkah terakhir untuk menunjukkan ketegasan ibu bapa. Sebagai contoh, apabila anak-anak menjaga adab ketika menziarah ke rumah saudara-mara, mereka diganjari pujian seumpamanya. Namun, apabila mereka mereka berkelakuan sebaliknya, teguran tegas harus diberikan dan jika kesalahan sama berulang, menghukum mereka dengan hukuman fizikal (tanpa mencederakan) dianggap sebagai kaedah *punishment* supaya anak-anak akan tahu untuk menjaga adab apabila menziarah ke rumah saudara-mara kelak. Harus juga diingat, kerapkali memberi hukuman juga boleh mengikis nilai keyakinan diri anak-anak, bahkan berpotensi menyebabkan frustasi mental (Pungkasari, 2014). Berlainan dengan kaedah *reinforcement*, ianya memberi impak yang lebih positif pada perkembangan anak-anak secara mental.

Dalam pendidikan Islam, kaedah *reinforcement* adalah kaedah yang sama dengan keadah *targhib*. Kaedah *targhib* boleh guna pakai dalam bentuk material (hadiyah) dan bukan material (pujian/pelukan). Imam al-Ghazzali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* berpendapat setiap kali anak-anak berbuat sesuatu kebaikan, mereka perlu dianjari sama ada dalam bentuk hissi atau maknawi (Jaafar, 2014). Anak-anak yang masih kecil dan juga anak-anak remaja, jiwanya amat halus, ditambah lagi dengan akal yang belum cukup terbentuk matang, mereka senang terusik secara emosi. Disebabkan itulah, kaedah targib digalakkan di dalam Islam supaya terjalannya ikatan kasih sayang anak kepada orang tuanya, malahan ia boleh melahirkan rasa kesanggupan untuk berbuat baik setelah itu. Kaedah ini merupakan kaedah mendidik secara berhikmah sebagaimana yang disarankan di sisi agama seperti yang disebut Sheikh Abdullah Naseh Ulwan (1991) dalam kitab tulisannya, beliau menyeru para ibu bapa agar menjadi para ibu bapa yang mendidik dengan hikmah sebagaimana yang dipamerkan Rasulullah s.a.w. Begitulah kitaran *reinforcement*, *punishment* dan juga *targhib* berjalan dalam tempoh awal anak-anak supaya mereka tahu membezakan yang salah dan betul dalam bermasyarakat dan juga dalam beragama Islam itu sendiri.

Di sebalik kelebihan hukuman dan ganjaran yang diunjurkan sebelum ini, ianya juga tidak lepas dari kelemahan. Kelemahan kaedah ini juga haruslah bergantung kepada keadaan dan situasi kerana ia juga dapat dimanipulasikan oleh fikiran anak-anak. Contohnya, apabila anak-anak belajar merokok di sekolah dan mereka dapat bergaul dengan lebih ramai kawan dan bagi mereka dapat ramai kawan itu adalah satu *reinforcement* untuk mereka. Maka, tabiat merokok itu akan sukar untuk dikikis. Atas kerana itu, pemantauan para ibu bapa dan pihak berautoriti dalam menangani masalah akhlaq anak-anak amatlah diperlukan.

Pembentukan tingkah laku dan akhlaq yang murni tidak berlaku dalam sekilip mata, ianya sebuah proses yang panjang dan harus bermula dari kecil kerana pembentukan akhlaq bukanlah terbentuk hasil dari hukuman, ganjaran semata, namun ianya melalui pemerhatian, pengalaman dan juga didikan yang berterusan. Atas kerana itulah, dalam Islam, asuhan dan didikan ibu dan bapa terhadap anak-anak haruslah dipenuhi dengan kasih sayang, namun pada masa yang sama tegas dan bertoleransi.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bukan semua teori yang dipelopori oleh sarjana Barat ditolak oleh Islam, namun sesetengah pendapat seperti yang dikemukakan oleh Freud, Bandura dan Skinner berkait pembangunan dan perkembangan anak-anak boleh diterima pakai dari segi praktikaliti dan sesuai untuk fitrah anak-anak. Penekanan konsep psikologi yang diagung-agung Barat sebagai milik mereka sebenarnya sudah tercatat di dalam al-Quran dan hadis yang mana ia perlu diteliti dan diperhalusi untuk dijadikan modul asuhan pendidikan bagi melahirkan masyarakat rabbani yang maju dan kompetitif.

## References

- Acharya, S., & Shukla, S. (2012). Mirror neurons: Enigma of the metaphysical modular brain. *Journal of Natural Science, Biology, and Medicine*, 3(2), 118-124.
- Ali H.M. (2000). Mendidik Anak-anak: Kesilapan Ketara Yang Perlu Diperbaiki. Kuala Lumpur: SABHA DTP Services Sdn. Bhd.
- Almuddin, M. H., Jamil, A. I., & Saari, C. Z. (2016). Amalan Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 1(1), 1-10.
- Aydin Hayati (2010). Concept of The Self in Islamic Tradition and Western psychology: A Comparative Analysis. *SIME Journal*, 7(1).
- Barsihannor (2014). Strategi dan pendekatan pendidikan (Telaah Terhadap Konsep Pendidikan Lukman Al-Hakim). *Jurnal Adabiyah*, XIV(2), 202-216.

- Huitt, W. (2004). Moral and Character Development Educational Psychology Interactive. Valdosta, GA: Valdosta State University. Retrieved [date], from <http://www.edpsycinteractive.org/morchr/morchr.html>
- Iacoboni, M. (2009). Imitation, Empathy, and Mirror Neurons. *Annual Review of Psychology*, 60(1), 653-670.
- Ibrahim M. S. (2002). *Pemupukan Nilai guru Cemerlang*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail A. M., Salleh S. M., & Jumali M. (2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka, *Jurnal Perspektif*, 5(2), 1-10.
- Ismail S. (2013). Tinjauan Filosofis Pengembangan Fitrah Manusia dalam Pendidikan Islam. *Jurnal At-Ta'dib*, 8(2), 241-262.
- Jaafar N. (2012). Kewajaran rotan dalam mendidik anak dan tatacara pelaksanaannya. *Jurnal pendidikan Agama Islam Taa'lim*, 14(1).
- Jaafar N. (2014). Metod Rasulullah Dalam Pembentukan Modal Insan. Dirujuk dari <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/7457>
- Jaafar N., Mohd Raus N., Muhammad N.A.S., Mohd Ghazali N., Mohd R.A., Syed Hassan S. N., Hashim M., Tamuri A. H., Mohamed Salleh N., and Isa Hamzah M. (2014). Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi. *Creative Education*, 5, 435-444.
- Kholili Hasib (2014). Konsep Al-Attas tentang Adab (Tawaran Paradigma Pendidikan) Di ambil dari [https://www.academia.edu/6512250/Konsep\\_al-Attas\\_tentang\\_Adab](https://www.academia.edu/6512250/Konsep_al-Attas_tentang_Adab). (manuskrip yang tidak diterbitkan)
- Lapskey D.K. dan Stey P.C. (2011). Id, Ego and Superego. In Encyclopedia of Human Behaviour (2<sup>nd</sup> Edition). Dirujuk dari <https://www3.nd.edu>.
- McLeod, S. A. (2016). Bandura - social learning theory. Di ambil dari [www.simplypsychology.org/bandura.html](http://www.simplypsychology.org/bandura.html)
- Muhammad Deden Suryadiningrat (2011), Karakter Pendidikan Islam vs Pendidikan Barat. [\[Online: https://www.hidayatullah.com/artikel/tsaqafah/read/2011/01/24/1422/karakter-pendidikan-Islam-vs-pendidikan-Barat.html\]](https://www.hidayatullah.com/artikel/tsaqafah/read/2011/01/24/1422/karakter-pendidikan-Islam-vs-pendidikan-Barat.html). Diakses pada 27 Mei 2019
- Muhammad Fadhil Al-Jamaly (1986). *Filsafat Pendidikan Dalam Al-Quran*. Surabaya: Pustaka Bina Ilmu, h2. Diambil dari <https://www.scribd.com/doc/305402601/Filsafat-Pendidikan-dalam-Alquran-Muhammad-Fadhil-al-Jamali#>
- Muhammad Nor 'Abd al-Hafiz Suwaid (1999). *Manhaj Al-Tarbiyah Al-Nabawiyyah Li al-Tifli*. Beirut: Dar Ibnu Kathir, h 204. Lihat juga Abd. Allah Nasih Ulwan (1985), Kaherah: Dar Al-Salam.
- Nelson, C. (2000). Neural plasticity and human development: the role of early experience in sculpting memory systems. *Developmental Science*, 3(2), 115-136.
- Pungkasari D. H. (2014). Konsep Reward and Punishment dalam Teori Pembelajaran Behavioristik dan Relevansinya dengan Pendidikan Islam (Tesis Sarjana). Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Shafie H., Che Noh M.A. dan Abdin Lubis M.A.L. (2016). Pedagogi pendidikan berdasarkan Surah Luqman. Di dalam Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu dan Cabaran, Bangi: Penerbit UKM.
- Sheikh Abdullah Naseh Ulwan (1991). *The Upbringing of Children in Islam* Sheikh Abdullah Naseh Ulwan. Karachi, Pakistan, Darul Ishaat.
- Siegfried W. (2014). The Formation and Structure of the Human Psyche: Id, ego, and Super-Ego- The Dynamic (Libidinal) and Static Unconsciousness, Sublimation and the Social Dimension of Identity Formation., *Athene Noctua: Undergraduate Philosophical Journal*, 2.
- Silverman, D. K. (2017). Psychosexual Stages of Development (Freud). *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*, 1–5. doi:10.1007/978-3-319-28099-8\_1417-1
- Skinner B.F. (1938). *The Behaviour of Organism: An Experimental Analysis*. New York: Appleton-Century.

- Spears, H. (1973). Kappans ponder the goals of education. *The Phi Delta Kappan*, 55(1): 29-32.
- Syah A. (2008). Term Tarbiyah, Ta'lim dan Ta'dib Dalam Pendidikan Islam: Tinjauan dari Aspek Semantik. *Jurnal Ilmiah KeIslamian*, 7(1), 138-150.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. Progelomena to the Metaphysics of Islam an Exposition of the Fundamental Element of the Worldview Islam.
- Winston, R., & Chicot, R. (2016). The importance of early bonding on the long-term mental health and resilience of children. *London journal of primary care*, 8(1), 12–14.
- Yuliawati M. (2016). Islamic Education of Children: Raising Children in Islam- How to Raise Children into Responsible Muslim Adults. *Jurnal Al-Ulum*, 3(1).